

29 OCT 1996

Rencana Bernama

KAD KREDIT: KEPERLUAN YANG BOLEH MENJADI MIMPI NGERI

By: FAIROS NAZRI

KUALA LUMPUR: Beberapa tahun lalu, Adam memiliki enam kad kredit. Bagaimanapun, empat tahun kemudian, beliau terpaksa memulangkan empat dari kad-kadnya bila hutangnya meningkat sehingga RM10,000.

Untuk melangsaikan hutang itu, beliau membuat pinjaman bank. Kini, dengan dua kad kredit dalam tangannya, dia merasa kurang bebanan.

Tetapi, apa yang mendorongnya memiliki kad kredit sebanyak itu?

"Saya fikir saya boleh menggunakan satu atau dua kad untuk menyelesaikan pembayaran untuk kad-kad lain, memandangkan saya kerap berbelanja sehingga had maksimum. Seinggalah satu hari, saya menemui jalan buntu yang memaksa saya untuk membuat pinjaman bank bagi menyelesaikan hutang," kata Adam.

"Bagi saya, mempunyai kad kredit merupakan satu keperluan tetapi pada masa yang sama ia menggalakkan berhutang dan ini merupakan satu masalah."

Bagi Maria pula, memiliki dua kad kredit lebih memudahkannya memperoleh wang secara segera, terutama di waktu kesempitan.

"Tetapi apa yang penting ialah disiplin semasa membayar. Kad kredit juga adalah seperti wang segera kerana kita boleh mengeluarkan kira-kira RM1,000 sehari di mesin Automatic Teller (ATM) tanpa sebarang kerumitan atau penjamin.

Ana, kawan Maria, pula telah disaman ke mahkamah kerana gagal menjelaskan bayaran hutang kadnya selama enam bulan.

Adam, Maria dan Ana, mewakili hampir dua juta pemegang kad yang kini terperangkap dalam satu bentuk urus niaga moden yang semakin popular di kalangan rakyat Malaysia. Pemilikan kad kredit bukan lagi dianggap sebagai simbol status memandangkan mereka berpendapatan RM800 sebulan pun boleh memilikinya.

Kad kredit merupakan satu bentuk pembayaran tetapi ia juga digunakan untuk mendapatkan pinjaman yang tidak memerlukan pendahuluan, tetapi dikenakan kadar faedah tinggi, antara 18 hingga 24 peratus setahun.

Namun, ia juga adalah penyelamat di waktu terdesak apabila seseorang kesempitan wang, tetapi kad kredit merupakan satu mimpi ngeri bila pemegangnya gagal melangsaikan hutang.

Perangkaan menunjukkan dalam 1992, seramai 58,498 orang telah dihadapkan ke mahkamah kerana gagal menjelaskan hutang mereka dan 2,121 pemegang kad diisytiharkan bankrap oleh mahkamah.

Ini merupakan satu hakikat membimbangkan mengenai tabiat berbelanja negatif para pemegang serta pengurusan kewangan mereka yang lemah. Langkah-langkah perlu diambil bagi membendung masalah ini.

Malaysia kini mencatatkan kadar delinkuens kad kredit sebanyak 12 peratus, iaitu dua kali purata dunia.

Jumlah urus niaga kad kredit meningkat kepada 44.8 peratus daripada RM2.9 bilion sehingga Jun tahun lepas kepada RM4.2 bilion pada tempoh yang sama tahun ini. Sehingga Jun tahun ini, jumlah baki tertunggak ialah RM698 juta sementara baki kadar faedah yang belum dijelaskan mencapai RM295 juta atau 42.3 peratus daripada jumlah pembayaran lewat.

Kini terdapat dua juta kad kredit dan 17 pengeluar kad di negara ini.

Untuk membendung belanja berlebihan menggunakan kad kredit, Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 1996, mengumumkan bahawa pembayaran minimum bulanan untuk baki hutang yang belum dijelaskan dinaikkan daripada 10 peratus kepada 15 peratus, berkuatkuasa Januari 1995.

Dengan itu, pemegang kad terpaksa membayar lebih dan akan kurang

berhutang. Langkah itu juga merupakan cara membendung inflasi.

Dan semasa membentangkan Belanjawan 1997 di Dewan Rakyat baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri itu mengumumkan bahawa cukai perkhidmatan sebanyak RM50 setahun akan dikenakan kepada semua bentuk kad kredit termasuklah yang diberikan secara percuma, bertujuan menggalakkan sikap berhati-hati.

Dengan dua juta kad kredit, dianggarkan kerajaan akan memperolehi RM100 juta setahun daripada cukai itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford F. Herbert baru-baru ini menyatakan bahawa cukai perkhidmatan sebanyak RM50 itu, merupakan satu langkah berhati-hati bagi membendung belanja berlebihan memandangkan kerajaan mendapati ramai orang semakin cuai dan sesetengah pula menanggung kadar faedah yang tinggi disebabkan hutang yang gagal dijelaskan.

Herbert juga menyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyebut bahawa sesetengah orang memiliki sehingga 14 kad kredit.

Untuk mengawal situasi perbelanjaan menggunakan kad kredit, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan tahun lalu, satu garis panduan baru untuk syarikat-syarikat kad kredit yang boleh menyebabkan para pemegang kad menjimatkan bayaran faedah jika mereka menjelaskan bayaran dengan cepat.

Bank pusat itu juga menyebut bahawa syarikat-syarikat kad kredit mesti memaklumkan pemegang kad mengenai bayaran yang dikenakan terhadap bayaran yang belum dijelaskan dan kaedah pengiraan bayaran itu.

Langkah itu bertujuan mewujudkan transparansi bagaimana para pengeluar kad membuat pengiraan dan mengenakan bayaran kadar faedah. Garis panduan baru ini bertujuan membantu membendung belanja berlebihan menggunakan kad kredit dan juga menggalakkan pembayaran segera di samping menanam tabiat berbelanja yang baik di kalangan pemegang kad.

Bagaimanapun, apakah dengan garis panduan itu para pemegang kad menerimanya sebagai satu peluang untuk menjelaskan hutang yang tertunggak atau sebaliknya berbelanja lebih?

Menurut Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M. Idris, garis panduan baru itu tidak begitu membantu membendung tabiat berbelanja dan untuk mencapai matlamat, CAP menyarankan supaya kerajaan melaksanakan beberapa peraturan baru. Ia meliputi:

- + Pendapatan minimum seseorang pemegang kad kredit sepatutnya sebanyak RM36,000 setahun berbanding RM24,000 setahun sekarang, supaya hanya mereka yang layak sahaja memilikinya; dan

- + Peratusan pembayaran bagi baki hutang yang belum dibayar sepatutnya dinaikkan daripada 15 peratus yang ada sekarang kepada 20 peratus.

"Tidak dinafikan, ramai pemegang kad berbelanja mengikut sesuka hati mereka dan kemudian bingung dengan hutang yang perlu dibayar. Kita memerlukan sekatan supaya pemegang kad tidak terjebak dengan beban hutang," kata S.M. Idris.

"Sekiranya pengguna berbelanja mewah tanpa mempedulikan masalah yang bakal timbul, mereka sebenarnya menghimpun lebih banyak hutang. Ini semua berbalik kepada tabiat berbelanja pengguna yang buruk. Sesetengah iklan yang menggalakkan orang ramai supaya berbelanja banyak, perlu dikawal atau diseekat."

S.M. Idris juga menasihati pemegang kad supaya menggunakan kad kredit dengan bijak dan membayar hutang dengan segera. "Sekiranya anda tidak dapat mengawal perbelanjaan dengan bijak, jangan simpan sebarang kad kredit."

Profesor Madya Dr Zulkefly Osman dari Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), juga mengesyorkan agar kerajaan melaksanakan peraturan di mana pendapatan minimum seseorang pemegang kad kredit ialah sebanyak RM36,000 setahun dan bukannya RM24,000 setahun.

"Pemegang kad perlu mengawal, menghad dan merancang penggunaan kad dengan betul supaya tidak menanggung hutang."

Bagaimanapun, mendidik pemegang kad kredit mengenai hak dan tanggungjawab mereka boleh mengurangkan kadar kebangkrapan, saman dan hutang. Dalam hal ini, kemungkinan bank-bank dan pertubuhan pengguna dapat bekerjasama dan membantu mencapai matlamat ini. -- BERNAMA

FN